

KURSUS PEMANTAPAN (PASCA) RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, Kursus Pemantapan (PASCA) Rakan Perkhidmatan Awam (AKRAB), telah diadakan pada 3 Ogos 2023 bertempat di Dewan Bankuet, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP). Seramai 104 orang ahli AKRAB seluruh Malaysia dengan gabungan pegawai dari Istana Kehakiman telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini dilaksanakan selama sehari yang melibatkan Ahli AKRAB dan juga peserta yang dicalonkan oleh Bahagian-bahagian PKPMP. Pengisian kursus ini melibatkan sesi ceramah interaktif, latihan dalam kumpulan, pembangunan sendiri menggunakan Modul R-E-S-T Aplikasi Terapi Seni Ekspresif iaitu terapi diri yang bersifat '*self-healing*' dan '*self-expression*'; demi untuk memperkasakan para peserta. Segala aspek aktiviti adalah di dalam lingkungan modul yang sentiasa menaikkan semangat kerjasama dan kesedaran sendiri '*mindfulness*' dalam kalangan peserta. Kesemua peserta kursus telah berjaya menghadiri Kursus Pemantapan (PASCA) AKRAB Tahun 2023 ini dan di akhiri dengan penyampaian Sijil Penyertaan kepada peserta yang hadir.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PAMERAN KENALI AKRAB & MENYAMPAIKAN CERAMAH DALAM PROGRAM ANJURAN AKRAB MAHKAMAH NEGERI SEMBILAN

Seremban, 16 Ogos 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan dan ceramah juga telah disampaikan oleh Encik Mohammed Kamal bin Hj Mohamed Yusuff iaitu dari Cawangan Psikologi, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Putrajaya yang bertajuk “Program Minda Sihat”. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan seperti aktiviti dalam kumpulan, terapi seni/ *art therapy* dan juga sesi bimbingan.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

BOOTH PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB PKPMP DI MAHKAMAH SESYEN DAN MAJISTRET(SIVIL) PULAU PINANG



Pulau Pinang, 22 Ogos 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Mahkamah Sesyen dan Majistret (Sivil) Pulau Pinang . Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan Psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunapakai dalam intervensi Psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan Psikologi/ Kaunseling secara bersemuka.

Antara aktiviti- aktiviti menarik yang telah diadakan ialah Sesi Bimbingan AKRAB, *Art Therapy*, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

SESI PERKONGSIAN ILMU AKRAB BILANGAN 4 : PENGENDALIAN KES

PUTRAJAYA, 24 Ogos 2023 – Sesi perkongsian ilmu AKRAB, Bilangan 4, telah diadakan secara atas talian. Ceramah yang bertajuk Pengendalian Kes telah disampaikan oleh Encik Mohd Hafis bin Shamsudin dari Cawangan Pembangunan dan Penyelenggaraan (CPP) Bahagian Pengurusan, Istana Kehakiman, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Seramai 48 orang ahli AKRAB beserta kakitangan dari seluruh mahkamah negeri telah menyertai program ini dengan jayanya. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran; menambah pengetahuan dan pengalaman; serta perkongsian pandangan dan idea berkaitan AKRAB bagi memantapkan proses membantu dan membimbing klien serta organisasi.

